

27/06/2001

Tricia lebih selesa jadi pemain bukan pilihan

Haryani Ngah

KETIKA tumpuan diberikan kepada Nicol Ann David dan Omneya Abdel Kawel untuk berentap menentukan gelaran juara, pemain remaja nombor dua negara, Tricia Chua lebih senang menjadi pemain bukan pilihan di Kejohanan Skuasy Remaja Wanita Dunia, di Pulau Pinang pada 15 hingga 21 Julai ini.

Tanpa mahu berselindung dan menganggap dua pencabar utamanya itu begitu hebat, Tricia menegaskan sasarannya hanya ke peringkat separuh akhir.

Diletakkan selaku pemain pilihan keempat, Tricia dijangka tidak menghadapi masalah untuk ke separuh akhir kerana mendapat bye di pusingan pertama dan dijangka berdepan Jemma Saxby dari Australia di pusingan kedua.

Malah laluananya ke suku akhir juga mudah kerana kebanyakan pemain yang bakal memberi saingan kepadanya berada ranking lebih rendah daripadanya.

Namun keperitan akan terasa bila berdepan Omneya di separuh akhir berdasarkan keputusan di Terbuka Scotland tahun lalu apabila dia tumpas 3-0 kepada Omneya.

"Secara realistiknya sasaran saya adalah separuh akhir. Sukar buat saya merancang untuk ke final kerana Omneya bukan calang-calang pemain.

"Lebih baik menjadi pemain bukan pilihan kerana lawan tidak memberi tumpuan serius dan inilah peluang terbaik untuk melakukan kejutan," kata pemain berusia 19 tahun itu ketika ditemui selepas majlis penajaan kejohanan itu di Petaling Jaya semalam.

Di majlis itu, Persatuan Raket Skuasy Malaysia (SRAM) menerima penajaan berjumlah RM80,000 daripada Mulpha International Bhd.

Turut hadir ialah Pengerusi Program 2006, Datuk Mokhzani Mahathir; Pengarah Mulpha Sport International Bhd, Dennis Lo; Pengarah Eskekutih SRAM, Lt Kol (b) Wong Ah Jit dan Pengarah Kejurulatihan, Mejar (b) S Maniam.

Sementara itu, Maniam berkata pemain dituntut mengekalkan kejayaan muncul juara dan naib juara sebagaimana dilakukan dua tahun lalu.

"Pemain akan menjalani latihan secara intensif selama sepuluh hari di Pulau Pinang menjelang kejohanan," katanya.

Mengulas sasaran bagi acara berpasukan, Maniam berharap skuad negara dapat menewaskan England untuk muncul juara.

Maniam berkata, berdasarkan senarai pemain, dia mendapati England mempunyai pemain yang konsisten berbanding negara lain.

Manakala Malaysia mempunyai dua pemain yang mampu memberi cabaran dan Mesir hanya mempunyai seorang saja pemain handalan.

Di kejohanan kali kesembilan itu, 90 pemain daripada 19 negara dijangka mengambil bahagian.

Selaku tuan rumah Malaysia menghantar 12 pemain, empat pemain diberi tanggungjawab sepenuhnya untuk mencari kemenangan buat negara manakala lapan di beri peluang mencari pengalaman.

Dua tahun lalu di Belgium, dua pemain negara, Nicol dan Leong Siu Ling memberi kemenangan bermakna apabila muncul juara dan naib juara.

(END)